

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN  
LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

TAJUK PROJEK : PENGGUNAAN DINAR EMAS DAN DIRHAM PERAK SEBAGAI  
MEKANISME DALAM SISTEM KEWANGAN

ABDUL BASIT BIN SAMAT @ DARAWI

Saya \_\_\_\_\_

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan **Laporan Akhir Penyelidikan** ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Laporan Akhir Penyelidikan ini adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat penjualan salinan Laporan Akhir Penyelidikan ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
4. \* Sila tandakan ( / )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972).

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).

TIDAK  
TERHAD



TANDATANGAN KETUA PENYELIDIK

ABDUL BASIT BIN SAMAT @ DARAWI

Nama & Cop Ketua Penyelidik

Tarikh : 28/2/2006

**CATATAN :** \*Jika Laporan Akhir Penyelidikan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

VOT 75191

**PENGGUNAAN DINAR EMAS DAN DIRHAM PERAK SEBAGAI MEKANISME  
DALAM SISTEM KEWANGAN**

**(THE IMPLEMENTATION OF DINAR AND DIRHAM AS A MECHANISM IN  
MONETARY SYSTEM)**

**ABDUL BASIT BIN SAMAT@DARAWI  
PROF. MADYA DR. HUSSIN BIN SALAMON  
PROF. MADYA DR. ZUHAIMY BIN ISMAIL  
AZMI SHAH BIN SURATMAN  
AHMAD MUHYUDDIN BIN HJ. HASSAN  
ABDUL HAFIZ BIN ABDULLAH**

**RESEARCH VOTE NO;  
75191**

**Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial  
Universiti Teknologi Malaysia**

**2006**

**HALAMAN JUDUL**

Halaman Judul	i
Dedikasi	iii
Abstract	iv
Abstrak	v
Senarai Singkatan	vi
<b>BAB 1</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Metodologi Penyelidikan	7
1.6 Kajian Literatur	8
<b>BAB 2</b>	
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Definisi Wang	13
2.3 Fungsi-fungsi Wang	14
2.3.1 Alat Perantaraan Dalam Pertukaran	15
2.3.2 Alat Pengukur Nilai dan Unit Akaun	15
2.3.3 Alat Penyimpan Nilai	16
2.3.4 Ukuran Bayaran Tertunda	16
2.3.5 Diterima Umum	17
2.3.6 Ketahanan	17
2.3.7 Keseragaman	18
2.3.8 Mudah Alih	19

**BAB 3**

3.1 Pendahuluan	20
3.2 Penggunaan Dinar dan Dirham: Dalil al-Quran	20
3.3 Penggunaan Dinar dan Dirham: Dalil al-Sunnah	22
3.4 Wang Kertas dan Sejarahnya	23
3.5 Masalah Wang Kertas dan Kedudukannya	25
3.6 Kelebihan Dinar Emas dan Dirham Perak	28
3.6.1 Nilai Intrinsik	28
3.6.2 Bebas Dari Unsur Riba	29
3.6.3 Mengelakkan Inflasi	30
3.6.4 Bebas Dari Spekulasi dan Manipulasi	31
3.6.5 Bebas Dari Unsur Gharar	32
3.6.6 Pertukaran Matawang Yang Tetap Antara Negara	32

**BAB 4**

4.1 Pendahuluan	34
4.2 Pasar Bebas Islam	36
4.3 Pelaburan Perdagangan Qirad	39
4.4 Perlaksanaan Dinar Emas dan Dirham Perak	41
4.5 Cabaran Perlaksanaan Dinar Emas dan Dirham Perak Sebagai Matawang	42
4.6 Rumusan dan Cadangan	43
4.7 Saranan	
4.7.1 Membangunkan Mekanisme	48
4.7.2 Penyelarasan Matawang Negara-negara Islam	48
4.7.3 Peningkatan Dagangan Antara Negara-negara Islam	48
4.7.4 Pengharaman Pasaran Hadapan	49
4.7.5 Penglibatan Menyeluruh Pelbagai Pakar Pelbagai Bidang, Kerajaan dan Swasta	49
4.7.6 Penganjuran Seminar dan Usaha Pemahaman	49
4.7.7 Penggunaan Teknologi Maklumat Secara Optimum	50
Sumber Rujukan	51



## DEDIKASI

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.A.W kerana dengan limpah kurniaNya dan keizinanNya penyelidikan ini dapat dijayakan.

Terimakasih atas sokongan dan kerjasama daripada rakan penyelidik, ustaz Azmi Shah selaku pengerusi JKPP serta pihak pentadbiran PPIPS seluruhnya. Tidak lupa kepada pihak RMC, Universiti Teknologi Malaysia, kakitangan perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM dan perpustakaan Akademi Islam UM. Juga kepada individu yang turut memberi sokongan samada secara langsung atau tidak langsung.

Kepada ibubapa, isteri dan anak serta seluruh ahli keluarga, terimakasih atas segalanya.

## ABSTRACT

*The decrease of currency value often occurs. Our own country with no exception encounters this situation as it is in the case that in 1997-1998. The situation urges us to carry out a research on the position of currency nowadays. In fact, the phenomenon of currency imbalance is not surprising. This is because, money which has been used now is only a piece of paper imprinted with a certain value. In other words, money used is not based on anything that we can ensure its. The basis of currency is merely lies on the value created by the world economic power. As a comparison, a long time ago, we could talk about the value of a single cent but today it has been devalued. In fact, the power of purchase is declining from time to time. In future, what was happened to the value of the one cent might also happen to the value of ringgit. Why does is happen? What is the alternative to be taken to ensure the power of currency? Any currency which has no basis is not considered real money. The revival of Gold Dinar and Dirham is not something new. As a matter of fact it had been used long before the printed money was introduced. Gold Dinar and Dirham as an exchange medium give a solid position to the money and they will also prohibit it from any kind of speculation, manipulation and so on. Currency market has turned into a field whereby certain people play the market. Thus, the currency that does not have any guarantee of stability will subject to manipulation for it owns no intrinsic value. The wide practice of riba by the using of printed money is considered as a weapon employed by the enemies of Islam to dominate the Muslim's economy. Besides that, this paper will on evolution of currency, the issues of the genuine money as well as the position of today's money. The researcher will also focus on how to revive the implementation of Gold Dinar and Dirham in the current economic practice through the establishment of an appropriate mechanism.*

## ABSTRAK

Seringkali kita melihat fenomena kejatuhan nilai matawang. Negara kita juga tidak terkecuali dari mengalaminya sepertimana yang berlaku pada tahun 1997-1998. Keadaan ini seharusnya mengajak kita mengkaji kedudukan matawang yang digunakan pada hari ini. Sebenarnya fenomena ketidakstabilan nilai matawang bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Ini adalah kerana wang yang digunakan hanyalah kertas bercetak yang dicatatkan nilai padanya. Wang yang digunakan tiada sandaran kepada sesuatu yang diyakini akan kestabilannya. Sandaran matawang kini hanyalah kepada kepercayaan kedudukan ekonomi sebuah negara yang dianggap sebagai kuasa ekonomi dunia. Jika suatu masa dahulu kita boleh bercakap tentang nilai satu sen, pada hari ini ianya seolah-olah tiada nilai. Kuasa beli wang pada hakikatnya semakin hari semakin jatuh. Pada masa hadapan mungkin nilai satu ringgit misalnya akan terjadi sepertimana apa yang berlaku pada nilai satu sen pada hari ini. Mengapa ini berlaku? Apakah alternatif yang perlu diambil bagi memastikan kedaulatan matawang? Sesuatu matawang jika tiada sandaran bukanlah matawang yang sebenarnya. Kembalinya matawang yang bersandarkan kepada nilai emas adalah jawapannya. Ini bukanlah sesuatu yang baru malahan telah digunakan sebelum era penggunaan wang kertas bercetak. Dinar emas dan dirham perak sebagai alat pertukaran menjadikan wang digunakan begitu teguh kedudukannya dan menutup ruang sebarang permainan spekulasi, manipulasi dan sebagainya. Pasaran matawang dilihat sebagai medan permainan yang memperkotak-katikkan matawang yang tiada jaminan kestabilannya lantaran tiada nilai sandaran. Amalan riba yang berleluasa dalam penggunaan wang bercetak adalah senjata musuh-musuh Islam menguasai ekonomi umat Islam. Kertas ini antara lain melihat evolusi matawang, persoalan tentang wang yang sebenarnya dan kedudukan wang yang digunapakai pada hari ini turut disentuh. Kajian juga melihat tentang bagaimana untuk mengembalikan pelaksanaan dinar emas dan dirham perak dalam situasi amalan ekonomi dan kewangan pada masa ini melalui mekanisme yang difikirkan sesuai untuk dibangunkan.

**SENARAI SINGKATAN**

A.S	-	Alaihi al-Salam
IBRD	-	International Bank for Reconstruction
IGD	-	Islamic Gold Dinar
IMF	-	International Monetary Fund
OIC	-	Organization of Islamic Conference
S.A.W	-	Salla Allah Alahi Wasallam
S.W.T	-	Subhanahu Wa Ta'ala
USD	-	Matawang Dolar Amerika Syarikat
WITO	-	World Islamic Trade Organisation

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Wang kertas yang digunakan pada hari ini dalam apa jua bentuk matawang tidak lagi mempunyai nilai intrinsik. Nilai intrinsik bermaksud bahawa benda itu mempunyai nilai sebagai barang tukaran. Sebelum ini nilai wang kertas disokong dengan simpanan emas. Meninjau sejarah ringkas Dolar Amerika, dalam perjanjian Bretton Wood 1944, persetujuan dicapai untuk menjadikan Dolar Amerika sebagai mata wang antarabangsa baru menggantikan Paun Sterling. Janji kerajaan Amerika bahawa setiap wang kertas bernilai 35 USD boleh ditukarkan dengan satu auns emas sebenar. Walaubagaimanapun itu hanyalah satu janji yang memberi nilai kepada dolar Amerika. Pada tahun 1971, terhentinya sandaran wang kepada simpanan emas. Ini disebabkan penglibatan dalam perang Vietnam dimana Amerika memerlukan perbelanjaan besar bagi membiayai ketenteraan dalam perang tersebut. Wang kertas yang digunakan sekarang tiada nilai intrinsik. Nilai yang dicetak di atas wang kertas kini ditentukan oleh kerajaan yang mengeluarkannya dan kuasa pasaran. Ini bermakna nilainya bergantung kepada permintaan dan manipulasi pihak yang mengeluarkannya. Ianya tidak disokong oleh apa-apa aset yang nyata. Selain itu para spekulator juga mempunyai peranan tertentu dalam menentukan nilai yang tercetak pada wang kertas.

Dinar emas adalah wang yang sebenar. Ianya digunakan sejak berkurun lampau iaitu pada zaman Empayar Roman Byzantine. Perkataan dinar itu sendiri berasal dari bahasa Latin iaitu denarius. Dinar emas dan dirham perak adalah matawang yang pernah digunakan oleh umat Islam dalam muamalah mereka. Penggunaannya dalam dunia Islam bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W dan dimantapkan fungsinya sebagai mekanisme pertukaran nilai pada zaman Saidina Umar al-Khattab. Dinar emas dan dirham pernah menjadi matawang umat Islam di seluruh dunia. Di alam Melayu, ianya digunakan sejak abad ke 14 dengan penggunaan kijing emas, kupang Kelantan dan Pattani antara abad ke 15 dan 16, dinar matahari Kelantan pada abad ke 18, dinar emas Kedah pada abad ke 17 dan 18. Kepingan sampel duit emas kijing yang masih tersimpan di muzium sebagai bukti bahawa penggunaan dinar emas dan dirham perak pernah menjadi satu realiti dalam masyarakat kita.

Penggunaan dinar emas dan dirham perak dalam dunia Islam berakhir dengan kejatuhan pemerintahan Uthmaniah di Turki pada tahun 1924, ianya memberikan satu perkembangan baru dalam penggunaan matawang di kalangan umat Islam dimana kertas bercetak mengambil tempat sebagai matawang.

Urusan kewangan yang menggunakan kertas bagi mewakili nilai mendedahkan kepada unsur-unsur ketidakadilan seperti riba, manipulasi, spekulatif, pasaran matawang yang tidak adil dan lain-lain masalah berhubung dengan sistem kewangan. Umat Islam sebenarnya mempunyai mekanisme kewangannya yang tersendiri dan seharusnya mempraktikkan kembali mekanisme tersebut dalam usaha mengembalikan peradaban perekonomian yang adil. Pengkajian yang sistematik perlu dibuat untuk melihat bagaimana penggunaan dinar emas dan dirham perak dapat beroperasi secara

praktikal, pada masa yang sama dapat dibuktikan dengan jelas bahawa penggunaannya dapat mengelakkan dari berlakunya unsur-unsur *gharar* dalam sistem kewangan seterusnya dapat melahirkan sebuah sistem ekonomi yang benar-benar adil.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Riba adalah musuh bagi umat Islam. Musuh-musuh Islam menggunakannya sebagai alat untuk menguasai ekonomi secara *batil*. Firman Allah S.A.W dalam surah al-Baqarah ayat 278 dan 279 yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah saki baki riba itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan, maka ketahuilah kamu akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya. Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu ialah pokok asal harta kamu. Kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa dan kamu tidak dizalimi oleh sesiapa”*

Masalah riba telah lama membelenggu umat Islam khususnya. Malahan ianya dijadikan senjata musuh Islam bagi menguasai umat Islam. Ini dapat dilihat dari pegangan golongan Yahudi terhadap amalan riba. Firman Allah S.A.W dalam surah

*“ Maka disebabkan kezaliman yang amat besar dari perbuatan orang-orang Yahudi, Kami haramkan atas mereka makanan yang baik-baik yang pernah dihalalkan bagi mereka, dan disebabkan mereka banyak menghalang manusia dari jalan Allah. Dan juga mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya, dan mereka memkan harta orang dengan jalan yang salah. Dan Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang kafir di antara mereka, azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.*

Ibnu Kathir dalam mentafsir ayat tersebut menyatakan tentang larangan amalan riba di kalangan orang Yahudi. Namun begitu, mereka tetap melakukan amalan

tersebut dengan pelbagai alasan dan helah bagi membolehkannya. Mereka telah memutarbelitkan dalil dengan mengatakan bahawa riba yang dilarang itu adalah antara sesama mereka. Pada mereka, muamalah yang berunsurkan riba hanya tidak boleh sesama orang Yahudi. Menurut seorang ulama mereka, orang Yahudi boleh mengambil kesempatan dari pelbagai penjuru jika sesiapa sahaja dari bukan kalangan mereka yang memerlukan dirham (wang)<sup>1</sup>.

Sejarah perkembangan wang kertas ini sebenarnya mempunyai kaitannya yang tersendiri dengan golongan Yahudi. Setelah berakhirnya pemerintahan Islam memberikan satu perkembangan baru dalam penggunaan matawang di kalangan umat Islam. Emas dan perak mula digantikan dengan kertas dalam bentuk resit oleh tukang emas yang kebanyakannya orang Yahudi. Tukang emas mempunyai tempat simpanan yang kebal, oleh yang demikian mereka yang mempunyai emas atau wang mahu menyimpannya di situ, penyimpan dikehendaki mengemukakan resit apabila membuat tuntutan. Tukang emas yang terdiri dari golongan Yahudi ini mengeluarkan resit melebihi apa yang ada pada mereka dan mengenakan faedah. Di sinilah bermula sejarah sistem perbankan yang mengamalkan riba juga kelahiran wang kertas bercetak.

Perancangan yang teliti dibuat oleh golongan yang mahu menguasai ekonomi dunia. Mereka mewujudkan satu mekanisme tertentu bagi tujuan tersebut. Apa yang dimaksudkan dengan mekanisme itu ialah penggunaan matawang bercetak. Kekuatan yang dibina ini sebenarnya begitu luas ruang kelemahannya. Sistem matawang yang

---

<sup>1</sup> Said Ali Qahtani. (2002). Riba dan Implikasi. Terj. Drs. H. Syahrin Nasution. Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur. h. 7



berasaskan kertas dan angka-angka tanpa sandaran kepada sesuatu yang bernilai begitu lemah kedudukannya.

Penggunaan sistem matawang dalam bentuk ini membuka ruang bagi penguasaan ekonomi yang tidak adil hasil dari penguasaan kuasa ekonomi terhadap sistem matawang antarabangsa. Penindasan ekonomi berlaku kesan dari spekulasi, manipulasi dan lain-lain kerana sistem itu menjadi mekanisme antarabangsa. Kita sering mendengar tentang pelbagai masalah dalam urusan kewangan yang bersifat global ini. Kegiatan manipulasi wang oleh spekulator mata wang memberi impak negatif yang bukan sedikit. Rakyat akan merasa kesan buruk dari kejatuhan nilai matawang oleh kegiatan spekulator.

Mata wang kertas yang mewakili nilai tidak mempunyai ketetapan nilai dan sentiasa terdedah kepada ketidakstabilan nilai mata wang. Ini tentunya memberi kesan yang tidak baik kepada ekonomi sesebuah negara. Negara kita pernah mengalami krisis ekonomi bermula Julai 1997, ini memerlukan kita melihat kembali sistem kewangan yang ada. Nilai tidak disandarkan kepada emas tetapi kepada kepercayaan yang diberikan kepada wang kertas yang dicetak.<sup>2</sup>

Ketidakadilan dalam sistem kewangan disebabkan berlakunya riba dan inflasi. Ini berpunca dari kepincangan yang dibawa dalam mekanisme wang kertas itu sendiri.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup> Zuhaimy Ismail. *Kembalinya Dinar Emas dan Dirham Perak*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

<sup>3</sup> Ahamed Kameel Mydin Meera (2002), *The Islamic Gold Dinar*, Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Penggunaan dinar emas dan dirham perak dilihat sebagai alternatif yang terbaik dan paling berkesan bagi mengatasi pelbagai kemelut masalah yang dihadapi. Adalah perlu diwujudkan kaedah atau metod yang jelas dan berkesan dalam usaha mengembalikan Dinar Emas dan Dirham Perak.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

- i. Adakah dan bagaimanakah riba wujud dengan penggunaan wang fiat serta mendedahkan kepada kemelut ekonomi global seperti ketidakstabilan matawang, penindasan ekonomi, inflasi dan sebagainya?
- ii. Adakah penggunaan dinar emas dan dirham perak dapat menyelesaikan masalah tersebut?
- iii. Bagaimanakah dinar emas dan dirham perak dapat bergerak secara praktikal dalam pelaksanaan sistem kewangan hari ini dan masa depan.

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Membuat pengkajian tentang sejarah awal kewujudan wang serta sejarah penggunaannya dalam masyarakat. Penjelasan tentang tuntutan al-quran dan al-sunnah supaya menggunakannya dalam muamalah. Keistimewaan yang terdapat pada mata wang ini turut dikemukakan.

- ii. Membuktikan bahawa penggunaan dinar emas dan dirham perak dapat mengelakkan berlakunya riba dalam penggunaan matawang dan seterusnya pelbagai kemelut ekonomi dapat diatasi.
- iii. Mengemukakan model pelaksanaan dinar emas dan dirham perak yang praktikal dalam suasana sistem kewangan hari ini.

## 1.5 METODOLOGI PENYELIDIKAN

### i. **Kajian Perpustakaan**

Pengkajian ini banyak merujuk kepada bahan-bahan penulisan ilmiah seperti buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal dan artikel berkaitan.

### ii. **Method wawancara/temubual**

Pengkajian juga turut dibantu dengan adanya wawancara atau temubual dengan pihak yang dianggap berautoriti dan mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan samada melibatkan mana-mana unit, institusi dan individu-individu tertentu.

### iii. **Analisis Ilmiah**

Berdasarkan pemahaman yang diperoleh melalui pelbagai usaha penyelidikan, penulis membuat analisis serta rumusan yang bersifat ilmiah.

## 1.6 KAJIAN LITERATUR

Bahan-bahan penulisan ilmiah khusus mengenai dinar emas tidak banyak dihasilkan, kebanyakannya cuma sebagai salah satu bab bagi penulisan yang berkaitan dengan kewangan Islam.

Penggunaan wang fiat dilihat menjadi punca pelbagai masalah kepada ekonomi khususnya inflasi. Kesannya agak menyeluruh mencakupi implikasi kepada sosio-ekonomi. Dinar emas adalah berpotensi untuk dibangunkan seterusnya dapat berfungsi sebagai satu mekanisme dalam sistem kewangan. Namun dalam pada itu banyak cabaran dalam usaha untuk melaksanakannya terutama dalam aspek perundangan dan suasana sistem kewangan dunia pada hari ini.<sup>4</sup>

Ekonomi berasaskan faedah ciptaan Amerika Syarikat seolah-olah menjadikan manusia seperti hamba untuk mengamalkan gaya hidup kapitalis. Pengenalan semula dinar emas bertujuan membanteras riba dan ketidakadilan yang berpunca darinya. Dalam sistem ekonomi kapitalis yang berasaskan wang fiat, inflasi adalah satu dari ketidakadilan. Wang fiat menyebabkan inflasi, tetapi dinar dan dirham adalah matawang yang paling stabil dan mustahil menyebabkan inflasi.<sup>5</sup>

Riba dilihat sebagai musuh umat Islam digerakkan dengan penggunaan wang fiat. Ia sebagai satu senjata yang digunakan bagi menguasai ekonomi umat Islam khususnya Yahudi. Berakhirnya sistem dinar dengan penggunaan wang kertas maka

---

<sup>4</sup> Ahamed Kameel Mydin Meera (2002), *The Islamic Gold Dinar*, Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

<sup>5</sup> Rais Umar Ibrahim Vadillo (2002), *The Return of The Islamic Gold Dinar*: Penerbitan Murabitun Nusantara. Kuala Lumpur.

bermulalah penguasaan ekonomi secara rasmi dan terancang oleh pihak yang berusaha menguasai umat Islam. Pengembalian pelaksanaan dinar emas dapat mengelakkan dari berleluasanya riba dan seterusnya melenyapkan percaturan musuh-musuh Islam untuk menguasai ekonomi umat Islam. Kembalinya pelaksanaan dinar emas bukannya satu impian kosong semata-mata kerana sifat emas itu sendiri yang mempunyai nilai instrinsik. Saranan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir supaya dinar emas digunakan bagi perdagangan antarabangsa bagi mengelakkan kebergantungan kepada dolar Amerika dan kerugian pada mana-mana pihak disebabkan oleh perubahan nilai pertukaran wang asing (*foreign exchange*).

Perlaksanaan dinar emas dan dirham perak adalah sesuatu yang realistik dalam situasi ekonomi moden pada hari ini. Pendekatan-pendekatan tertentu yang difikirkan sesuai dan praktikal boleh diambil. Mekanisme utama dalam merealisasikan dinar emas dan dirham perak sebenarnya telah dikenalpasti dan sebahagian darinya telah beroperasi. Mekanisme utama itu ialah sistem pembayaran dinar e-dinar, rangkaian pasar dan pelaburan emas qirad.

Syarak meletakkan emas dan perak dalam kedudukan yang paling utama sebagai sistem matawang. Ini membawa pengertian dua bahan logam ini paling sesuai sebagai bahan pertukaran kerana pengukuran nilainya serta kesan kepada kestabilan sistem kewangan. Oleh yang demikian, pembayaran tertentu dalam hukum syarak dibuat berdasarkan kepada dinar seperti kadar minima pensabitan kecurian, pembayaran diat, zakat dan sebagainya.<sup>6</sup> Islam bersifat syumul yang meletakkannya sebagai addeen. Kesyumulan Islam merangkumi semua aspek keperluan umat manusia dan tidak

---

<sup>6</sup> Mahmood M.Sanusi (2002) Gold Dinar, Paper Currency and Monetary Stability: An Islamic View. Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, International Islamic University Malaysia.

terkecuali perkara berhubung dengan kewangan. Apa yang dapat diambil dari penetapan beberapa pembayaran dalam hukum Islam berdasarkan dinar betapa memperlihatkan kekuatan dinar itu sebagai alat pertukaran yang sebenarnya.

Para ulama klasik seperti al-Maqrizi menjelaskan tentang kelebihan dinar emas dan dirham perak sebagai mata wang yang sebenarnya. Penggunaan bahan logam ini memberi perlindungan dari kesan inflasi dan ketidakadilan.<sup>7</sup>

Penggunaan wang fiat juga memberi kesan langsung dari segi sosio-ekonomi. Sedar atau tidak beberapa kesan negatif berlaku terhadap pendapatan juga perbelanjaan oleh masyarakat.<sup>8</sup> Ini disebabkan kesan inflasi yang berlaku dengan penggunaan wang fiat serta bergeraknya unsur riba dalam mekanisme sistem kewangan.

Aplikasi dari sudut perundangan perlu dilihat dan diperincikan bagi membolehkan penggunaan dinar sebagai satu mekanisme dalam sistem kewangan global pada hari ini direalisasikan.<sup>9</sup> Kesesuaian faktor perundangan dan akta-akta berkaitan memberi ruang yang cukup baik ke arah perlaksanaannya. Dinar emas dan dirham perak selain dari berfungsi sebagai matawang yang stabil, ianya juga boleh berperanan

---

<sup>7</sup> Saiful Azhar Rosly (2002) *The Economic Thought of al-Maqrizi: The Role of the Dinar and Dirham as Money* Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, International Islamic University Malaysia

<sup>8</sup> Ahmed Kameel Mydin Meera dan Hasanuddeen Abdul Aziz (2002) *The Islamic Gold Dinar: Socio-economic Perspectives*. Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, International Islamic University Malaysia.

<sup>9</sup> Jalalullail Othman (2002), *Application of the Existing Laws and Regulation in Malaysia Relating to the Proposed Usage and Implementation of the Dinar from a Private Sector Perspective*. Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, International Islamic University Malaysia.

menyatukan umat Islam melalui penggunaan matawang yang sama.<sup>10</sup> Konsep penggunaan matawang Euro dilihat sebagai model kesatuan matawang yang efisien bagi kesatuan ekonomi Negara-negara Eropah dan memberi perlindungan kepada kestabilan matawang mereka.

Matawang yang boleh dipermainkan dalam pasaran matawang antarabangsa, kadar turun naiknya boleh dispekulasi sesuka hati menjadikannya sebagai alat perhambaan dalam menguasai ekonomi.<sup>11</sup> Seharusnya matawang yang sebenarnya mempunyai sandaran yang kuat dan sesekali tidak boleh ditentukan kadar nilainya berdasarkan kepada kepercayaan semata-mata.

Sistem kewangan antarabangsa yang bersifat tidak adil dilihat merompak kekayaan negara yang dihasilkan oleh penat lelah rakyat. Sistem ini wujud ekoran sistem ekonomi berasaskan wang fiat dan riba. Sistem yang digunakan sekarang membawa kepada punca segala masalah ekonomi seperti krisis ekonomi, ketidakstabilan matawang, kenaikan harga barang, pengangguran, kegagalan dan kelembapan syarikat-syarikat perniagaan, kemiskinan dan pengagihan kekayaan yang tidak sama rata di kalangan rakyat, spekulasi dan manipulasi mata wang dan sebagainya. Sistem kewangan fiat berasaskan faedah yang diamalkan sekarang menjadi alat paling mudah kepada struktur kuasa global untuk menjajah negara-negara terutama negara miskin atau negara sedang membangun seperti Malaysia. Wang fiat adalah wang yang dikeluarkan oleh sesebuah kerajaan melalui bank pusat.

---

<sup>10</sup> Muhammad Anwar (2002) Euro and Gold Dinar: A Comparative Study of Currency Unions. Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, International Islamic University Malaysia.

<sup>11</sup> Umar Azmon (2002), "Penggunaan Matawang Dinar Dalam Era Globalisasi" (Kertas Kerja seminar Dinar Peringkat Kebangsaan, "Dinar: Ke arah Pemantapan Ekonomi Ummah" Anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIM),

Ia hanya sekeping kertas yang tidak bernilai dan tiada sokongan emas. Ia juga merujuk kepada angka-angka di dalam akaun yang dihasilkan oleh bank<sup>12</sup>.

Berdasarkan kepada bahan-bahan ilmiah penulisan, artikel dan sebagainya, didapati belum ada penghasilan penulisan yang secara jelas mengemukakan kaedah atau metod yang jelas dan berkesan dalam usaha mengembalikan dinar emas dan dirham perak secara praktikal. Kajian mendalam tentang bagaimana kaedah penggunaan dinar emas dan dirham perak perlu dibuat bagi menjadikan mekanisme dinar emas dan dirham perak satu realiti.

---

<sup>12</sup> Ahamed Kameel Mydin Meera (2002), *The Theft of Nation: Returning to Gold*: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.



## **BAB 2**

### **WANG DAN SEJARAH PERKEMBANGANNYA**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Wang adalah instrumen yang penting dalam masyarakat bagi memudahkan urusan jualbeli. Ia bertindak sebagai alat pertukaran samada dalam bentuk barangan atau perkhidmatan. Wang memainkan peranan sebagai transaksi. Transaksi ini adalah media pertukaran kerana sebagaimana matawang, ianya untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh seseorang.<sup>13</sup>

Kepentingan matawang adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan. Adakah sistem kewangan yang diamalkan pada hari ini benar-benar menepati konsep matawang serta tidak mengenyakan soal-soal keadilan perlu dikaji semula. Ini ekoran dari kemelut ekonomi yang berlaku banyak disebabkan oleh sistem kewangan yang tidak adil dan membebankan banyak pihak.

#### **2.2 DEFINISI WANG**

Pelbagai definisi telah diberikan oleh ahli ekonomi mengenai wang. Antaranya wang merupakan alat yang digunakan oleh masyarakat dimana ianya mempunyai

---

<sup>13</sup> Roger LeRoy Miller et.al (1985), *Modern Money and Banking*, New York: Mc Graw-Hill Company, h.27.

kekuatan belian dan mendapat kepercayaan umum, ia dapat digunakan sebagai alat membayar hutang serta memenuhi keperluan-keperluan lain.<sup>14</sup> Wang juga dianggap sebagai sesuatu yang diterima umum mengikut adat dan perundangan. Ia berfungsi sebagai perantaraan dalam pertukaran barangan dan perkhidmatan serta perantaraan dalam pembayaran hutang.<sup>15</sup> Berdasarkan kepada pentakrifan yang diberikan wang dilihat sebagai sesuatu yang dapat diterima sebagai alat pertukaran. Kamus Dewan pula mendefinisikan wang sebagai alat pertukaran yang mempunyai harga (nilai) tertentu dan diakui sah.<sup>16</sup>

Wang kertas adalah hasil ciptaan orang-orang Yahudi yang menguasai ekonomi di England, walaupun jumlah mereka adalah kecil iaitu hanya 5% dari penduduk England, namun mereka merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan cukai Negara.

### 2.3 FUNGSI-FUNGSI WANG

Wang merupakan elemen penting dalam proses pertukaran barangan samada di peringkat domestik ataupun antarabangsa. Dalam penghidupan bermasyarakat, pertukaran keperluan atau perkhidmatan amatlah perlu. Sejarah menunjukkan bahawa manusia menggunakan wang sebagai agen pertukaran tersebut. Wang digunakan bagi membolehkan masyarakat mendapat manfaat dari pembahagian buruh dan kepakaran

---

<sup>14</sup> Muhammad Rasyad Mahmud (1967), *al-Musykilat al-Iqtisadiyyah Wa Hululuha Ilman Wa Amalan*, Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah, h. 56.

<sup>15</sup> Nazim Muhammad Nuri al-Syamri (1987), *al-Nuqud wa al-masarif*, Beirut: Darl al-Kutub li al-Tibaah wa al-Nasy, h. 29.

<sup>16</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga (1984), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, h.1544.

dalam pengeluaran. Melalui pertukaran sebegini, masyarakat berkembang dan dapat menikmati penghidupan yang lebih baik dan sempurna. Aktiviti ini dilihat sebagai asas ekonomi masyarakat dan pembangunan sosial.

### **2.3.1 Alat Perantaraan Dalam Pertukaran (*Medium Of Exchange*)**

Wang merupakan instrumen pertukaran dalam proses urusniaga pertukaran barangan ataupun perkhidmatan. Segala urusan menjadi lebih mudah dan efisien berbanding dengan sistem barter yang ternyata mendatangkan banyak masalah, antaranya memerlukan kehendak serentak daripada kedua-dua belah pihak. Sebagai contoh, jika seseorang itu memerlukan garam dan mempunyai ikan untuk ditukarkan, ini bermakna ia perlu mendapatkan seseorang yang mahukan ikannya dan pada masa yang sama mempunyai garam yang diperlukan itu.

### **2.3.2 Alat Pengukur Nilai dan Unit Akaun (*Standard of Value*)**

Wang juga berfungsi sebagai pengukur nilai dan unit akaun. Dalam sistem barter, ukuran nilai dibuat mengikut nilai barangan itu sendiri, berlainan dengan sistem yang menjadikan wang sebagai pengukur nilai, wang itu sendiri dianggap sebagai pengukur nilai yang dibuat dalam bentuk harga. Dalam sistem barter, seseorang itu perlu membuat penilaian tentang sesuatu barangan, seperti berat timbangan bagi beras untuk ditukarkan dengan seekor ayam.

### 2.3.3 Alat Penyimpan Nilai (*Storage of value*)

Wang bersifat tahan lama, ia tidak mudah rosak. Barangan yang digunakan dalam sistem barter tentunya tidak tahan lama. Wang yang digunakan pada hari ini boleh disimpan sebagai tabungan samada di bank atau sebagainya. Walaupun wang berfungsi sebagai alat penyimpan nilai, namun keupayaannya dalam aspek ini masih boleh dipertikaikan. Ini kerana wang juga boleh susut nilai kesan dari pasaran matawang semasa dan keadaan ekonomi yang tidak stabil.

### 2.3.4 Ukuran Bayaran Tertunda (*Standard for Deferred Payment's*)

Dalam suasana ekonomi moden, banyak urusan perniagaan atau perdagangan dilakukan secara kredit atau bayaran tertunda. Barangan atau perkhidmatan diambil dahulu sebelum pembayaran dibuat. Dalam keadaan tertentu ini akan memudahkan urusan perniagaan yang dijalankan.

Pada masa dahulu, pelbagai barang digunakan sebagai wang sebagai perantaraan pertukaran seperti lembu, kambing, biri-biri, kulit kerang, gula, garam, bijih timah, besi, perak dan emas.<sup>17</sup> Sejarah mencatatkan bahawa manusia telah menggunakan pelbagai barangan untuk dijadikan alat pertukaran. Dari segi apakah sesuatu benda atau barangan itu dapat berfungsi sebagai alat pertukaran. Seharusnya benda tersebut mempunyai nilai intrinsik iaitu jasadnya mempunyai nilai tersendiri jika tiada kuasa tertentu yang menentukan nilainya. Logam yang berharga seperti

---

<sup>17</sup> John Orna (1997), *The Story of Money*, London: Trustees of the British Museum by British Museum Press, h.4.

emas dan perak mempunyai ciri-ciri yang amat bersesuaian untuk dijadikan matawang. Kesesuaian ini adalah kerana sifat-sifat tertentu yang ada pada logam ini.

### **2.3.5 Diterima Umum**

Sesuatu barang atau benda yang dianggap wang mestilah diterima umum kerana nilainya yang hakiki ataupun kerana undang-undang telah menetapkan ianya sebagai wang. Apabila ianya diterima umum sebagai wang maka ia boleh bertindak sebagai alat perantaraan dalam pertukaran.

Ianya hendaklah kurang dari segi kuantitinya berbanding dengan benda lain. Ini bagi memastikan kestabilan nilainya. Jika bahannya mudah diperolehi maka penawarannya tidak terhad dan akan menyebabkan penurunan nilai. Namun pada masa yang sama penawaran tidak boleh terlalu kurang kerana ini akan menyebabkan masalah dalam memenuhi kehendak masyarakat umum. Bekalan bahan tersebut mestilah stabil dan kadar turun naiknya tidak keterlaluan berbanding dengan bahan yang lain. Logam seperti emas dan perak tidak bergantung kepada keadaan cuaca, kesuburan tanah dari segi pembekalannya tidak seperti penghasilan pertanian.

### **2.3.6 Ketahanan.**

Bagi memastikan keupayaannya untuk menyimpan nilai, sesuatu benda yang dijadikan wang mestilah mempunyai sifat tahan lasak. Bahan-bahan yang mudah rosak tidak sesuai kerana tidak tahan lama dan tentu sekali nilai akan berkurangan dari masa ke semasa. Tentu sekali logam seperti emas dan perak amat sesuai kerana ia

tidak akan susut nilainya. Bahan yang selain dari logam yang berharga itu adalah tidak menepati ciri-ciri wang yang sebenarnya, wang kertas yang digunakan pada hari ini juga sering susut nilai kerana perbuatan spekulasi, riba dan sebagainya.

### **2.3.7 Keseragaman.**

Bahan yang boleh dijadikan mata wang mestilah mempunyai sifat keseragaman dari segi saiz dan rupabentuk serta ketahanan. Logam seperti emas dan perak diterima sebagai matawang sejak dari dahulu lagi kerana sifat seragamnya ini. Walaupun logam ini dicairkan namun sifat asalnya tidak terjejas. Berbalik kepada wang kertas yang digunakan yang tentu sama sekali tidak dapat dikembalikan kepada sifatnya yang asal jika diubah keadaannya sebelum ini.

Sesuatu benda yang hendak dijadikan mata wang mestilah boleh dibahagi iaitu boleh dikecilkan kepada beberapa bahagian. Apabila dibahagikan keadaan dan rupabentuk adalah sama. Ini tidak boleh dilakukan terhadap kulit kerang. Pembahagian ini bertujuan memudahkan proses pertukaran kerana wang adalah alat pertukaran, tidak lebih dari itu. Oleh yang demikian, emas dan perak merupakan logam yang paling sesuai untuk umat manusia jadikan matawang. Nilainya boleh ditentukan dengan berat kepingan tersebut.

### 2.3.8 Mudah Alih

Sifat mudah alih mesti ada pada matawang. Maka ianya boleh digunakan dimana-mana sahaja sebab pemiliknya tidak sukar untuk membawanya bersama. Sebab itulah sejarah menunjukkan bahan-bahan seperti kerang, garam dan sebagainya menjadi pilihan. Tetapi bahan itu walaupun mudah alih tapi tidak menepati ciri-ciri yang mesti ada pada mata wang, misalnya kerang tidak akan sama rupabentuk yang dibahagikan, garam mudah hancur dan larut dalam air. Kertas pula diberikan nilai oleh pihak lain yang tiada kaitan dalam pertukaran yang dilakukan. Namun pada masa ini wang kertas dijadikan wang utama yang diamalkan oleh masyarakat dunia pada hari ini.

## BAB 3

### DINAR DAN DIRHAM: MATA WANG UMAT ISLAM

#### 3.1 PENDAHULUAN

Penggunaan dinar dan dirham sebagai mata wang mendapat pengiktirafan dalam Islam. Walaupun dari segi sejarah ianya telah digunakan oleh kerajaan sebelum Islam seperti Rom dan Parsi. Di dalam al-quran dan al-sunnah dinar dan dirham disebut dalam pembayaran zakat, alat pertukaran, pembayaran denda, mas kahwin dan sebagainya. Nilai-nilai keadilan dan ketepatan dalam aspek pertukaran meletakkannya mendapat kedudukan dalam Islam. Tentu sekali ia dapat berperanan dalam membentuk sistem ekonomi sejagat yang adil.

#### 3.2 PENGGUNAAN DINAR DAN DIRHAM: DALIL AL-QURAN

Penggunaan emas dan perak iaitu logam yang membentuk dinar dan dirham mempunyai kaitan dengan beberapa hukum syarak. Secara tidak langsung menunjukkan pengiktirafan terhadap keduanya dalam Islam. Walaupun hanya terdapat beberapa ayat al-quran sahaja yang menyebutnya namun ini menjadi bukti tentang kepentingannya sebagai matawang yang unggul dan diakui Islam. Maksud Firman Allah S.W.T dalam surah Ali-Imran ayat 75:

*"Dan di antara Ahli Kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, ia akan mengembalikannya (dengan sempurna)*



*kepada mu, dan ada pula diantara mereka yang kalau engkau amnanahkna menyimpan sedina rpun,ia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali kalau engkau selalu menuntutnya. Yang demikian itu ialah kerana mereka mengatakan:Tidak ada jalannya kami menanggung dosa mengenai orang-orang yang ummi danmereka selalu berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdosa)”*

Ayat ini menjelaskan tentang dominasi ekonomi oleh golongan Yahudi,mereka sentiasa melakukan penindasan dalam apa sahaja kegiatan ekonomi melalui sistem riba dan sebagainya. Dalam suasana ekonomi moden pada hari ini kegiatan ini lebih luas pendekatannya iaitu manipulasi mata wang oleh para spekulator yang kebanyakannya terdiri dari golongan Yahudi. Maksud Firman Allah S.W.T dalam surah Yusuf ayat 20:

*“ Dan (setelah berlaku perundingan) mereka menjualnya dengan harga yang murah, iaitu beberapa dirham sahaja bilangannya; dan mereka adalah orang-orang yang tidak menghargainya”*

Ayat menunjukkan bahwa mata wang dinar dan dirham digunakan oleh masyarakat pada zaman Nabi Yusuf A.S. Ternyata mata wang dinar dan dirham memainkan peranan yang besar dalam kegiatan ekonomi pada zaman tersebut. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Taubah ayat 34 bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya ramai di antara pendita-pendita dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (Agama Islam). Dan ingatlah orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya”*

Perkataan **al-zahab** dan **al-fiddah** di dalam ayat tersebut ialah dinar emas dan dirham perak. Kedua-duanya diwajibkan zakat (bila cukup syarat).<sup>18</sup> Allah S.W.T juga menyatakan perkataan **al-khaz** yang bererti menyimpan harta; iaitu menyimpan dinar dan dirham tanpa mengeluarkan zakat<sup>19</sup>

### 3.3 PENGGUNAAN DINAR DAN DIRHAM: DALIL AL-SUNNAH

Penggunaan dinar dan dirham juga terdapat di dalam al-sunnah. Penggunaannya sebagaimana dinyatakan di dalam al-sunnah berkaitan dengan hukum syarak seperti hukum pengeluaran zakat, diyat, kadar nisab serta hukum pertukaran mata wang. Di dalam al-sunnah kesemuanya dijelaskan dalam bentuk dinar dan dirham sebagai pengukur utama.<sup>20</sup>

Zakat emas dan perak, nilai barangan dan upah kerja dinilai dalam sebutan dinar emas dan dirham perak, sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

*“Diriwayatkan daripada Abu Sa’id al-Khudri r.a: Nabi s.a.w bersabda: Hasil bumi yang kurang dari lima wasaq iaitu segantang tidak diwajibkan zakat. Perak yang kurang dari lima uqiah tidak diwajibkan zakat”*

Hadis tersebut menyatakan kadar wajib dikenakan zakat bagi perak. Manakala hadis yang menyatakan kewajipan zakat emas sebagaimana maksud sabda

Rasulullah s.a.w: *“Diriwayatkan daripada Sayyidatina ‘Aisyah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w mengambil pada setiap dua puluh dinar dan lebih sebanyak separuh dinar dan dari empat puluh dinar satu dinar (sebagai zakat)*

---

<sup>18</sup> Abu Abdullah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1999), al-Jami’ li Ahkam al-Quran, j.3, Beirut: Dar al-Fikr, h. 1491.

<sup>19</sup> Wahbah al-Zuhayli, al-Tafsir al-Wajiz Wa Mu’jam Ma’ani al-Quran al-Aziz, c.2, Damsyik: Dar al-Fikr, h. 193.

<sup>20</sup> Abd al-Qadim Zalum (1983), al-Amwal Fi Dawlah al-Khilafah, Beirut: Dar al-Ilm Li al-Malayin, h. 207.

Penggunaan mata wang dinar dan dirham juga termasuk dalam hukuman diyat dengan kadar seribu dinar bagi emas dan dua belas ribu dirham bagi perak.

Sabda Rasulullah S.A.W bermaksud: *"Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas r.a berkata, seorang lelaki telah membunuh pada zaman nabi s.a.w, dan nabi s.a.w telah mengenakan diyat kepadanya sebanyak dua belas ribu (dirham)"*.

Berdasarkan kepada ayat-ayat al-quran dan beberapa hadis yang menyentuh tentang dinar emas dan dirham perak, menampakkan betapa kedua-duanya mendapat pengiktirafan untuk berperanan sebagai mata wang yang praktikal dan mempunyai nilai-nilai keadilan dan ketepatan yang tidak dipertikaikan. Apa yang lebih penting penggunaan dinar emas dan dirham perak benar-benar menepati konsep mata wang yang sebenarnya.

### **3.4 WANG KERTAS DAN SEJARAHNYA**

Sebagaimana yang diutarakan sebelum ini, seharusnya benda yang boleh berfungsi sebagai mata wang mestilah mempunyai nilai intrinsik. Sekiranya sesuatu matawang itu tidak menepati ciri intrinsik maka akan memdatangkan pelbagai masalah seperti manipulasi, penurunan nilai serta permainan spekulator sebagaimana yang berlaku sebelum ini.

Pada peringkat awal, wang kertas merupakan resit bagi mewakili sejumlah emas di kedai pajak gadai. Ianya diserahkan kepada saudagar emas untuk disimpan dengan selamat dalam peti besi. Simpanan ini dinamakan deposit. Resit tersebut akan bertukar tangan sebagai alat petukaran dalam urusan seharian.

Bagi mendapat keuntungan dengan kadar yang tinggi, maka saudagar penyimpan wang memulakan manipulasi dengan mengeluarkan resit lebih berbanding dengan simpanan emas yang ada. Dalam pada itu resit yang tidak mewakili apa-apa tadi dikenakan faedah. Resit tersebut bukan matawang yang sah, cuma sebagai ikat janji antara saudagar emas dengan penyimpan. Wang kertas bolehlah dianggap nota janji hutang (*promisory note*) iaitu ikat janji mengembalikan resit itu dengan emas yang disimpan. Saudagar emas kemudiannya mencadangkan kepada peminjam supaya resit tersebut tidak perlu dikembalikan malah boleh digunakan sebagai alat pertukaran dan sesiapa sahaja boleh datang untuk menuntut emas yang disimpan. Secara tidak langsung resit itu berfungsi sebagai wang kertas apabila pedagang mula menggunakannya sebagai alat pertukaran. Apa yang berlaku dalam situasi ini adalah pertukaran nota hutang dengan nota hutang dan ini dilarang dalam Islam.

Resit-resit ini dipinjamkan dengan mengenakan faedah untuk sesuatu tempoh atau jangkamasa tertentu. Saudagar emas bertukar dari sebagai pemegang amanah kepada pemberi hutang dan akhirnya sebagai bank. Saudagar emas kemudiannya mengeluarkan lebih banyak resit dari jumlah wang emas atau perak yang ada. Wang riba diwujudkan dengan menggandakannya melalui pengeluaran resit ke atas wang simpanan. Dari sinilah bermulanya konsep perbankan serta penguasaan bank dalam urusan perdagangan dan perniagaan masyarakat melalui keuntungan faedah yang dikenakan. Inilah amalan perbankan pada hari ini.

Bank pertama yang ditubuhkan di dunia ialah Bank of England pada tahun 1694. Bank of England adalah bank pusat di England yang diberi kuasa mencetak

wang kertas. Ianya diasaskan oleh William Peterson. Dalam satu kenyataan beliau menyatakan bahawa: *"Bank ini akan memperoleh keuntungan daripada kadar faedah ke atas wang yang diterbitkan dari sifar (create money out of nothing)"*. Kenyataan ini bermaksud bahawa institusi bank mempunyai hak mutlak untuk mencetak wang kertas yang diberi nilai berdasarkan jumlah emas simpanan orang lain.

Wang kertas beginilah yang berkembang menjadi wang pada masa sekarang serata dunia. Wang digandakan dengan mewujudkan hutang yang lebih banyak daripada simpanan tunai. Kesahihan wang kertas dipertikaikan terutamanya bila berlaku manipulasi yang mengakibatkan kejatuhan nilai matawang. Keadaan ini mengajak kita memahami tentang wang itu sendiri. Bagaimana sesuatu yang tiada nilai intrinsik itu boleh berfungsi sebagai alat pertukaran?. Ini seharusnya difikirkan bersama. Wang yang digunakan pada hari ini hanyalah kertas yang dicetakkan nilainya. Tiada nilai sebenar tidak sepertimana dinar emas atau dirham perak. Kuasa pasaran wang menentukan nilainya. Adalah sesuatu yang sukar dan tidak boleh diterima sesuatu yang tiada nilai intrinsik sepertimana wang kertas atau wang fiat menjadi suatu komoditi yang boleh dijualbeli.

### **3.5 MASALAH WANG KERTAS DAN KEDUDUKANNYA**

Wang kertas jika disimpan di rumah akan mengalami susut nilai oleh kuasa pasaran, terutamanya jika simpanan dibuat dalam jangka masa yang lama. Penyusutan nilai boleh berlaku dalam masa yang singkat. Jika dibandingkan dengan Dolar Amerika ia boleh susut nilai dalam jangkamasa yang singkat sahaja. Di Indonesia

susut nilai Rupiah berlaku sehingga enam ratus peratus. Keadaan tidak menentu tentang kestabilannya ini disebabkan tiada sandaran yang tetap.

Penyimpanan di bank lazimnya wang akan bertambah melalui faedah yang diberikan. Maka susut nilai dapat diatasi dengan pemberian faedah tersebut. Keadaan yang berlaku sebenarnya suatu pembedahan (*correction factors*) untuk susut nilai terhadap wang simpanan. Tidak hairan jika faedah itu dikatakan halal kerana ia kelihatan halal jika sistem wang kertas tanpa sandaran yang boleh dispekulasikan itu dihalalkan terlebih dahulu. Sistem faedah bank ini hanyalah lanjutan penerimaan sistem kertas tanpa sandaran emas dan penyesihan dinar emas dan dirham perak. Sistem matawang kertas tanpa sandaran memang didominasi oleh pihak Amerika dan ahli riba melalui wang kertas Dolar Amerika.

Dalam sesuatu keadaan penyimpanan di bank pun tidak menjamin kestabilan atau dapat mengelakkan wang simpanan mengalami susut nilai. Berapa banyak faedah sekalipun yang diberikan, tetapi penyusutan nilai yang terlalu tinggi berlaku akan menyebabkan faedah itu tidak bermakna. Umpamanya apabila kita meminjam RM1000 daripada seseorang dan kita membayar balik pinjaman selepas 10 tahun dan ini dikatakan tiada riba. Tetapi 10 tahun lagi jumlah RM 1000 adalah tidak mempunyai nilai atau kuasa membeli yang sama. Mungkin nilainya kurang dari RM 100 jika menurut kelaziman yang berlaku. Tentulah tidak adil peminjam membayar pada kadar yang sama sebegini walau tidak dikatakan mengandungi unsur riba.

Penyusutan nilai ini sebenarnya disebabkan oleh inflasi. Suatu masa dahulu jumlah seperti satu sen atau dua sen mempunyai nilai untuk dapatkan sesuatu

Menurut James Dines dalam bukunya *Mass Psychology*, tidak cukup untuk kita bertindak memarahi spekulator wang dunia. Menurutnyanya perbuatan ini sebagai sesuatu yang lemah (*low state of blame*) selagi kita belum mempertikaikan sistem wang kertas itu sendiri dan kembali kepada emas dan perak.

### **3.6 KELEBIHAN DINAR EMAS DAN DIRHAM PERAK**

Sistem matawang sebenarnya iaitu matawang bersandarkan emas dan perak telah lama menjadi transaksi pertukaran umat Islam. Implemennya sebagai mekanisme dalam muamalah antara masyarakat tidak membawa apa-apa masalah kepada kedudukan nilai matawang. Keistimewaan yang ada padanya menjadikan matawang yang digunapakai begitu teguh dan sentiasa diyakini akan kedudukan nilainya.

#### **3.6.1 Nilai Intrinsik**

Nilai intrinsik bermakna mata wang itu mempunyai sandaran yang bernilai sebagai alat pertukaran. Mata wang dinar dan dirham perak mempunyai nilai intrinsik kerana bersandarkan kepada nilai bahan logam emas dan perak. Tentu sekali berbeza dengan wang kertas yang tiada sandaran apa-apa, hanya kepercayaan kepada kedudukan ekonomi Negara tertentu. Wang kertas adalah wang hampa (*fiat money*) kerana badaniahnya yang tidak menjamin apa-apa nilai. Dalam konteks kestabilan nilai, tentu sekali wang kertas amat lemah. Ia boleh dicetak pada bila-bila masa sebanyak yang dikehendaki.

barangan tetapi pada masa ini ianya seolah-olah tidak berharga. Mengapa terjadi sedemikian?. Faktor inflasilah yang menyebabkan keadaan ini. Seorang ahli ekonomi Barat iaitu Adam Smith menakrifkan inflasi sebagai cukai tersirat yang disebabkan lebihan cetakan wang kertas.

Perlu diingat bahawa wang kertas yang digunakan dahulunya bersandarkan emas. Setiap cetakan wang kertas mestilah bersandarkan jumlah emas tertentu. Dengan demikian wang kertas yang kita gunakan sebenarnya ialah resit untuk kita menuntut emas daripada pihak yang berkenaan. Kertas ini pula dijamin oleh kerajaan dengan tulisan 'sah diperlakukan' sebanyak yang tercatat di atasnya. Resit ini sebenarnya tidak digunakan untuk menuntut emas. Contoh pada muka hadapan wang kertas US 10 siri 1928 ada tercatat '*...Redemable in gold on demand at the United States Treasury...*'. Pihak bank tertentu yang kebetulannya dipengaruhi orang Yahudi mengambil kesempatan dengan mencetak kertas secara berlebihan dan meminjamkannya kepada orang ramai. Oleh yang demikian, pihak bank tersebut mendapat keuntungan dengan cetakan yang berlebihan dan dari faedah pinjaman. Sistem wang kertas ini sepatutnya hanya boleh diterima sebagai wang pecah (*fulus*).

Tanpa piawaian emas, pihak bank Amerika bebas mencipta wang melalui cetakan wang kertas tanpa ikatan simpanan emas. Tanpa sandaran emas, wang kertas menjadi wang spekulasi. Menurut Kurtzman keputusan yang dibuat oleh Presiden Nixon telah menjadikan wang yang asalnya suatu yang benar dan nyata kepada suatu abstraksi tersimpul (*twisted abstraction*). Dalam pada itu beliau menyatakan bahawa wang kertas itu masih lagi suatu nota janji untuk pembayaran tetapi pembayaran apa kepada siapa? (*It is still a promise to pay. But to pay what to whom?*).



### 3.6.2 Bebas Dari Unsur Riba

Syariat Islam mengharamkan riba. Riba dianggap sebagai barah yang menghancurkan ekonomi umat. Salah satu prinsip dalam kewangan Islam ialah penghapusan riba. Allah s.w.t menjelaskan dalam al-quran tentang pengharamannya dan memerangi golongan mereka yang terlibat dengan amalan ini. Pengharamannya juga telah menjadi ijmak ulama sejak dahulu lagi.

Dinar dan dirham menjadi piawai atau pengukur bagi nilai barangan. Ini diamalkan sejak zaman Rasulullah s.a.w. Penggunaan matawang sebagai pengukur nilai dilihat cara terbaik bagi mengelakkan iannya diperdagangkan. Aristotle menyatakan wang tidak boleh melahirkan wang dan wang sebagai komoditi adalah perniagaan di luar tabi'i. Keuntungan darinya adalah riba<sup>21</sup>

Masalah yang dihadapi dalam amalan sistem matawang sekarang yang menggunakan wang kertas ialah penggunaannya sebagai komoditi seperti barangan dagangan yang lain. Ini menyebabkan berlakunya riba *al-fadl*. Oleh yang demikian Rasulullah s.a.w melarang pertukaran mata wang dengan ada pertambahan. Persoalan tentang mata wang sebagai komoditi atau sekadar simbol telah lama berlaku. Namun punca utama kejatuhan nilai matawang ialah kerana diperdagangkan seperti barangan lain. Inilah hikmat apa yang disarankan oleh Rasulullah s.a.w yang melarang adanya pertambahan dalam pertukaran emas dengan emas dan perak dengan perak.

---

<sup>21</sup> Nor Mohd. Yakcop, Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam Di Malaysia (1996), Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. h. 19

### 3.6.3 Mengelakkan Inflasi

Inflasi adalah suatu masalah akibat kemerosotan nilai benar wang dan aset kewangan. Kamus Pelaburan mentakrifkan inflasi sebagai kenaikan tingkat harga umum disebabkan pertambahan perbelanjaan yang tidak sepadan dengan pertambahan keluaran.<sup>22</sup> Inflasi mengakibatkan wang tidak dapat berfungsi sebagai satu unit akaun yang adil dan jujur.<sup>23</sup>

Usaha untuk menstabilkan matawang dari terus berlaku inflasi mestilah dilakukan sentiasa. Satu mekanisme yang menetapkan nilai matawang dapat mengelakkan berlakunya inflasi. Standard emas adalah jalan penyelesaiannya. Ia adalah kebal dari inflasi samada disebabkan banyaknya percetakan matawang ataupun devaluasi akibat keputusan pemerintah.<sup>24</sup>

Masalah inflasi sebagaimana yang diketahui kerana kuantiti matawang di pasaran melebihi kuantiti barang-barang dan perkhidmatan yang ada di pasaran. Bertambahnya kuantiti wang di pasaran menyebabkan bertambahnya permintaan terhadap barang-barang dan perkhidmatan kerana orang ramai mempunyai kuasa beli yang kuat.<sup>25</sup> Ini berlaku kerana percetakan wang yang tiada sebarang batasan ataupun sandaran kepada piawaian tertentu. Oleh yang demikian, langkah yang paling baik dalam menangani masalah inflasi ialah dengan menghadkan pengeluaran wang

---

<sup>22</sup> Lihat Kamus Pelaburan (1997), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.54.

<sup>23</sup> Mahmud Abu Suud (1984), Sistem Perekonomian Islam, (terj.) Ahmad Rafai Ayudin dan Abdu lLatif b. Hamid, Kuala Lumpur: Penerbitan al-Ramadhan, h. 55.

<sup>24</sup> Lihat <http://www.gamma.co.id/artikel/utama>.

<sup>25</sup> Ibid.

kertas.<sup>26</sup> Namun cara tersebut adalah tidak praktikal dan berkesan kerana punca utama inflasi ialah sifat matawang kertas itu sendiri.<sup>27</sup> Percetakannya seharusnya merujuk kepada simpanan emas sesebuah negara.

#### 3.6.4 Bebas Dari Spekulasi dan Manipulasi

Spekulasi ialah penanggungian risiko pertukaran yang disengajakan dengan tujuan mendapatkan keuntungan.<sup>28</sup> Manipulasi ialah tindakan pelabur yang mengadakan pergerakan harga, volum atau minat dalam sesuatu sekuriti bagi tujuan menarik pelabur lain supaya melabur dalam sekuriti berkenaan.<sup>29</sup>

Kebiasaannya spekulasi berlaku dalam pasaran tukaran mata wang asing yang melibatkan perdagangan antarabangsa. Tun Dr. Mahathir Muhammad ketika membicarakan tentang spekulasi, beliau menyatakan:

*"Risiko spekulasi akan dapat dikurangkan kepada hampir tiada, Malaysia telah menyediakan mekanisme dalam pelaksanaan mata wang dinar. Emas mempunyai nilai yang telah ditetapkan berdasarkan kepada permintaan bagi logam, nilainya mungkin meningkat atau susut mengikut permintaan dunia dan permintaan di Negara tertentu, tetapi turun naik itu akan minima"*<sup>30</sup>

Dalam pasaran matawang, spekulator akan berterusan memperdagangkan matawang seperti komoditi lain menyebabkan ketidakstabilan matawang negara-negara tertentu. Masalah ini dapat diselesaikan dengan penggunaan matawang dinar dan dirham. Ini kerana sistemnya yang tetap dapat mengukur kadar pertukaran dengan

---

<sup>26</sup> Harcharan Singh Khera (1982), Prinsip-prinsip Ekonomi, edisi. 8, Petaling Jaya: Percetakan Solai Sdn Bhd h. 268

<sup>27</sup> Ibid, h. 261.

<sup>28</sup> Mohamed Yusoff (1990), Ekonomi Antarabangsa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h.188

<sup>29</sup> Kamus Kewangan (1996), opcit, h. 96-98.

<sup>30</sup> <http://www.neac.gov.my/statements.html>.

lebih stabil dan dapat menghilangkan unsur-unsur ketidakpastian dan ketidakstabilan harga. Matawang bukan sahaja diniagakan berdasarkan jualbeli tunai (*spot transaction*) malahan juga di pasaran hadapan (*forward and future transaction*).

### 3.6.5 Bebas Dari Unsur Gharar

Gharar merujuk kepada ketidakpastian yang wujud dalam pasaran, terhadap barangan yang tidak pasti kewujudannya di pasaran, harga yang tidak pasti, penipuan harga dan penipuan sifat jualan.<sup>31</sup> Ketetapan dan kestabilan harga matawang berasaskan emas dan perak ini tentu sekali mengelakkan penipuan-penipuan dalam bentuk yang dinyatakan.

### 3.6.6 Pertukaran Matawang Yang Tetap Antara Negara

Ia tidak akan menyebabkan penawaran berlebihan sepertimana yang berlaku kepada wang kertas. Inilah yang menyebabkan matawang bersifat tetap dan mendapat kepercayaan umum.<sup>32</sup> Emas adalah semacam insurans. Ia memberi bank pusat portfolio-portfolio dengan kemampuan *hedging* yang sempurna melawan *foreign exchange forex* kerana stabil dan kuat. Emas memenuhi syarat yang diperlukan bagi operasi bank syariah.<sup>33</sup>

Ini dilihat kerana pertukaran yang tetap akan membri keyakinan kepada para pelabur. Mereka akan mengetahui lebih awal lagi jumlah bagi barangan import serta kadar yang diterima untuk barangan eksport dalam dagangan antarabangsa.

<sup>31</sup> Nor Mohamed Yakcob (1996), op.cit, h.27.

<sup>32</sup> Abd,al-Qadim Zallum (1983), op.cit, h. 230

<sup>33</sup> <http://www.gamma.co.id/artikel/utama/GM10205-940.shtml>.

Kestabilan sistem kadar pertukaran juga adalah prasyarat bagi Kumpulan Ekonomi Serantau ( *Regional Economic Group*) berfungsi dengan berkesan.


Penggunaan matawang yang sama berasaskan kepada emas dan perak dengan nilai yang sama dapat mewujudkan kesatuan yang kukuh dan blok perdagangan yang berteraskan keadilan yang sebenarnya. Dari segi falsafahnya kesatuan yang ada terbina dari kesatuan aqidah yang sama, disini kesatuan matawang akan mengukuhkan kerjasama ekonomi secara fizikalnya. Ini tentu dapat menyaingi blok Barat yang berteraskan kepada dasar kapitalis yang tidak adil. Penetapan satu piawaian standard mewujudkan kerjasama ekonomi yang lebih erat. Sebagai contoh, satu kerjasama yang berkesan bilamana Negara-negara Kesatuan Eropah menggunakan satu matawang mata wang Euro dalam menjalinkan hubungan dagang sesama mereka.

## BAB 4

### MEKANISME PERLAKSANAAN DINAR EMAS DAN DIRHAM PERAK

#### 4.1 PENDAHULUAN

Pada masa ini, penggunaan dinar emas dan dirham perak adalah sebagai simpanan kerana nilai intrinsik yang ada padanya. Dinar emas dan dirham perak digunakan sebagai mas kawin, pembayaran zakat, hadiah dan sebagainya. Bagi merealisasikan penggunaan dinar emas ini, semestinya ia beredar di kalangan masyarakat. Beberapa perkara perlu difikirkan bagi mengembalikan dinar emas dan dirham perak dalam suasana ekonomi pada hari ini. Antara perkara yang perlu dilihat ialah dari aspek pengeluaran wang emas dan perak, tempat digunakan dan pelaburan. Aspek-aspek ini perlu dibangunkan dalam usaha merealisasikan impian itu. Mekanisme memerlukan tiga entiti utama iaitu pengeluaran, pasar dan qirad (pelaburan). Ketiga-tiga entiti ini sebagai unsure asas bagi menjayakan ekonomi baru berteraskan dinar emas dan dirham perak. Ianya boleh berjalan seiring dengan sistem kewangan yang ada. Peluang untuk memperkembangkan dinar emas dan dirham perak perlu diberi bagi melihat sistem ekonomi yang lebih adil dan progresif dibangunkan.



Rajah 1 Mekanisme Utama Sistem Perlaksanaan Dinar Emas dan Dirham Perak

## 4.2 PASAR BEBAS ISLAM

Pasar bebas Islam berteraskan konsep pasar yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. Ia mempunyai empat ciri utama iaitu pasar bukan milik sesiapa, tiada sewa dikenakan kepada penyewa, tiada cukai dikenakan serta tiada sebarang penyelewengan dan ketidakadilan. Satu perancangan dan prosedur yang sistematik amat diperlukan bagi mewujudkan pasar yang menepati ciri-ciri sedemikian. Rasulullah s.a.w menyatakan dalam sebuah hadis:

*“Pasar mestilah mengikut sunnah sebagaimana sebuah masjid, barangsiapa yang mendapat tempat terlebih dahulu mempunyai hak terhadapnya sehingga dia meninggalkan pasar dan pulang setelah menyelesaikan perniagaan pada hari itu”.*

Satu aspek yang sama antara pasar dan masjid ialah kebebasan untuk memilih tempat. Jika di masjid, sesiapa yang datang awal dapat tempat yang lebih baik, mungkin saf hadapan dan sebagainya, begitu juga pasar mungkin dapat memilih tempat yang lebih strategik. Pasar tidak dimiliki sesiapa, tiada yang dapat menempah ruang tertentu. Di masjid misalnya tiada siapa berhak menempah saf pertama atau mana-mana saf.

Untuk mendapat tempat perniagaan hendaklah tiada bayaran dikenakan, sama seperti tidak perlu mengeluarkan bayaran untuk menunaikan solat. Bayaran di sekitar pasar biasanya dikenakan bagi tujuan menyimpan barang atau menyewa stor barang. Bayaran adalah tidak untuk kawasan pasar, dalam pada itu aktiviti perdagangan tidak boleh dilakukan di tempat simpanan barang. Cukai tidak dikenakan, berdasarkan sebuah hadis Rasulullah S.A.W: *“Ini adalah pasar kamu, jangan benarkan apa jua bentuk cukai dikenakan ke atasnya”*



Pasar Islam memberi peluang yang sama kepada semua peniaga, kegiatan perniagaan tidak dikaitkan dengan satu puak atau kaum tertentu. Tiada keistimewaan untuk individu atau kumpulan tertentu. Tiada pemilik umum sesebuah pasar yang diwujudkan. Inilah apa yang dimaksudkan dengan 'pasar bebas'. Fenomena yang berlaku sekarang ini menghadkan peluang semua peniaga dengan wujudnya rangkaian pengedar gergasi yang hanya menguntungkan pihak-pihak tertentu sahaja. Situasi ini juga berlaku dalam pasaran global antarabangsa yang hanya memberi peluang seluasnya kepada kuasa-kuasa besar menguasai perdagangan antarabangsa. Bagi mewujudkan sistem yang benar-benar adil, konsep pasar Islam perlu dipraktikkan bukan sahaja di pasar sebenar malahan di peringkat global.

Matawang dinar dan dirham seharusnya dibangunkan dan dikaitkan dengan perdagangan Islam. Perlaksanaannya tidak dirangkaikan dengan pihak bank atau mana-mana institusi kewangan. Perdagangan Islam menjana ekonomi baru, sehubungan dengan itu dinar emas dan dirham perak tidak bertanding dengan kekayaan ekonomi yang ada tapi menjana kekayaan baru melalui pelaksanaan ekonomi baru. Wang dinar emas dan dirham perak diperkenalkan serta ditawarkan kepada umat Islam bukan melalui paksaan atau sistem perundangan negara. Ianya berdasarkan polisi umum bagi membangunkan perdagangan Islam yang berteraskan dagangan tanpa riba sepertimana yang diusahakan oleh WITO (*World Trade Trading Organization*). Secara beransur-ansur akan diterima secara lebih menyeluruh, pada masa yang sama tiada tekanan undang-undang dalam perlaksanaannya.

Hubungan dagang secara tidak langsung mewujudkan hubungan erat di kalangan negara Islam khususnya. Apa yang dilakukan Rasulullah s.a.w sebagai

seorang pedagang memberi mesej jelas tentang kepentingan perniagaan. Setibanya di Madinah, baginda Rasulullah s.a.w mendirikan masjid serta membuka pasar sebagai medan perniagaan. Pasar diibaratkan seperti masjid bahawa ianya tidak dimiliki sesiapa, tiada sesiapa berhak menentukan kawasan pasar untuk dirinya, menandakan dengan sebarang *signboard* untuk memiliki sesuatu ruang. Keistimewaan sebegini tiada di pasar-pasar lain. Dewasa ini pasar dimiliki oleh syarikat-syarikat gergasi serta individu atau pihak-pihak tertentu yang memperolehi permit. Ibnu Khaldun dalam menjelaskan fasa-fasa kegemilangan dan kejatuhan memberi gambaran di pasar. Jika pasar dibuka untuk peluang semua orang ia berada zaman kegemilangan dan jika dimiliki oleh pihak-pihak tertentu sahaja maka zaman itu adalah zaman kemunduran.

Pasar Islam adalah terbuka. Terbuka di sini merujuk kepada aktiviti perdagangan yang dilakukan secara bebas dan terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin berdagang di situ. Ia tidak dimonopoli oleh sesiapa atau syarikat tertentu. Pedagang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat kerana peranannya yang membawa kemudahan kepada masyarakat umum. Saidina Umar al-Khattab dalam memuliakan pedagang berkata bahawa pedagang adalah tetamunya dan tempatnya adalah 'istana-istana', pengamal riba dicampakkan ditepi-tepi jalan dan diusir keluar dari bandar. Namun apa yang berlaku pada hari ini adalah sebaliknya.

Mekanisme yang boleh dibuat berhubung dengan apa yang disifatkan dengan 'pasar Islam' ini ialah mewujudkan sebuah kawasan pasar dimana ianya menggunakan dinar emas dan dirham perak dalam urusniaganya. Disediakan satu kaunter wakalah di luar pasar itu untuk urusan pertukaran matawang yang digunakan dengan matawang dinar emas dan dirham perak. Ianya mengikut pasaran emas

semasa. Ini adalah satu mekanisme untuk memastikan dinar emas dan dirham perak berlegar dalam masyarakat. Ini satu kesedaran dan pendedahan yang berkesan kepada masyarakat umum bahawa nilai matawang yang sebenarnya berasaskan kepada nilai emas bilamana mereka merasakan tiada persoalan tentang turun naik nilai matawang yang digunakan.

Dalam perkara berhubung dengan tatacara pelaksanaan mekanisme ini, tentu sekali ianya memerlukan sokongan pelbagai pihak, bermula dari penyediaan tempat, keselamatan serta dari segi polisi dan perundangan.

#### **4.3 PELABURAN PERDAGANGAN QIRAD**

Bilamana wujudnya wang dinar emas dan dirham perak serta pasar Islam, komponen lain yang diperlukan ialah adalah pelaburan perdagangan. Pasar yang dimaksudkan bukan sahaja mengambil dalam bentuk fizikal tetapi juga dalam bentuk elektronik seperti e-suq atau e-pasar. Dalam transaksi elektronik sistem matawang yang digunakan ialah e-dinar atau IGD (*Islamic Gold Dinar*) exchange.

Wang emas atau perak yang ada tidak seharusnya disimpan, ianya hendaklah dilaburkan supaya beredar dalam ekonomi masyarakat setempat atau seluruh dunia. Syarat-syarat yang terdapat dalam qirad ialah pertama wang yang dilaburkan tidak mempunyai sebarang cagaran benda lain dan pedagang tidak perlu meletakkan sebarang sandaran, keduanya qirad tidak mempunyai ekuiti dan ketiga tiada selang

masa dalam qirad. Ketiga-tiga syarat tersebut tidak kedapatan dalam sistem perbankan pada hari ni.

Qirad sebagai satu medan untuk para pedagang. Suatu rumus pelaburan menggalakkan aktiviti ekonomi. Apakah kriteria untuk kategorikan seseorang peniaga tanpa cagaran, ekuiti dan tiada selang masa? Reputasi dan pencapaian adalah dua aspek utama dalam menentukannya. Contoh yang paling jelas adalah sirah Rasulullah s.a.w yang menjalankan tugas sebagai pedagang. Seorang yang amat diyakini keperibadiannya bersama-sama Siti Khadijah dalam urusan perniagaan. Sekiranya tiada sesiapa yang mengenalinya atau mengetahui kejujurannya maka tentu sekali tidak mendapat kepercayaan seterusnya gagal dalam meyakinkan para pelabur.

Rujukan masyarakat begini adalah kunci pelaksanaan qirad. Pedagang dan peniaga amat penting kedudukannya dalam Islam. Dalam suasana ekonomi kapitalis situasi ini tidak berlaku. Pelaburan diberikan kepada NASDAQ dan pasaran saham yang lain. Statistik menunjukkan kurang dari 1% masyarakat dunia yang benar-benar memberi perhatian kepada harga turun naik saham.<sup>34</sup> Ramai yang tidak melibatkan diri dalam saham dan tidak tahu mengenainya. Seharusnya yang berlaku kepada masyarakat mereka berniaga dan berdagang. Pedagang dan peniaga dibaratkan permata dalam masyarakat tetapi nilai yang tinggi tidak terarah kepada mereka. Seharusnya masyarakat dilibatkan sama dalam pelaburan, di sini wujudnya interaksi dan kesepaduan dalam komuniti untuk kebaikan bersama.

---

<sup>34</sup> Zuhaimy Ismail. *Kembalinya Dinar Emas dan Dirham Perak*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. h. 88

#### 4.4 PERLAKSANAAN DINAR EMAS DAN DIRHAM PERAK

Kejayaan kepada pengenalan dinar emas dan dirham perak terletak kepada pembentukan ekonomi baru, perkembangan digerakkan melalui usaha perdagangan samada secara besar-besaran atau kecil-kecilan. Ianya mesti dikaitkan secara langsung dengan terbentuknya *Islamic Trade*. Perlaksanaannya tidak bertentangan dengan sistem perbankan bahkan mengembalikan peranan asal institusi bank sebagai tempat penyimpanan dan memastikan keselamatan dinar emas dan dirham perak. Kerjasama yang baik antara pelaksana sistem ini dengan pihak bank amat perlu bagi memastikan keharmonian pengenalannya. Ia dilihat sebagai satu sistem alternative menggantikan kebergantungan kepada USD dalam urusan perdagangan antarabangsa.

Perdagangan Islam menjana ekonomi dan kekayaan baru. Oleh yang demikian kemunculannya tidak bersaing dengan ekonomi dan kekayaan yang sedia ada tetapi menjana ekonomi yang baru. Perlaksanaannya memberi pilihan kepada masyarakat tanpa desakan atau paksaan undang-undang. Ia seharusnya dibangunkan selari dengan polisi mengembangkan perdagangan Islam sepertimana yang diusahakan oleh WITO. Organisasi tertentu perlu diberi autoriti dan tanggungjawab dalam usaha merealisasikannya. *World Islamic Trading Organization* sebuah organisasi antarabangsa berperanan memastikan kod dan etika amalan penggunaan dinar emas dan dirham perak. Pengeluaran wang dinar emas dan dirham perak pula diberikan kepada Islamic Mint dan Royal Mint dengan peraturan dan panduan yang telah ditetapkan.

#### 4.5 CABARAN PERLAKSANAAN DINAR EMAS DAN DIRHAM PERAK SEBAGAI SISTEM MATAWANG

Sudah menjadi lumrah apabila sesuatu yang baru hendak diperkenalkan, ianya mendapat pelbagai reaksi dan pandangan. Tidak kurang juga cabaran, halangan atau apa jua yang boleh membantutkan sesuatu usaha itu. Begitu juga dengan pelaksanaan dinar emas dan dirham perak ini. Namun hakikatnya ianya bukanlah sesuatu yang baru diperkenalkan, malahan sejarah mencatatkan bahawa ianya sudah lama dipraktikkan sejak zaman sebelum Islam lagi, begitu juga pada zaman Rasulullah s.a.w dan khalifah selepasnya.

Penggunaan dinar emas dan dirham perak sebagai matawang akan mengurangkan kebergantungan kepada Dolar Amerika. Amerika Syarikat adalah satu kuasa tunggal selepas tamatnya perang dingin. Dolar Amerika memainkan peranan utama sebagai matawang antarabangsa. Oleh yang demikian, pengenalan kepada sistem yang berasaskan emas dilihat menjadi ancaman kepada Amerika Syarikat. Ia akan bergantung kepada bagaimana reaksi Amerika terhadap sistem ini.

Kemungkinan ada usaha untuk menggagalkan perlaksanaannya. Penggunaan wang fiat menguntungkan golongan tertentu. Komuniti minoriti ini akan mensabotaj sistem ini. Antara usaha yang boleh dibuat ialah memainkan bekalan dan permintaan emas global bagi memanipulasi harga pasaran antarabangsa.

Pada peringkat awal, pelaksanaan dwi sistem iaitu wang fiat dan dinar akan mendatangkan masalah sekiranya seseorang menyimpan dalam wang fiat dan

menukarnya kepada dinar. Arbitraj akan berlaku antara antara wang fiat dan dinar. Arbitraj ialah penjualan dan pembelian sesuatu sekuriti atau aset pada masa yang sama dalam pasaran sekuriti atau yang berlainan sebagai mengambil kesempatan dari perbezaan harga antara kedua-dua pasaran ini, misalnya perbezaan harga akibat dari perbezaan nilai tukaran matawang.

#### 4.6 RUMUSAN DAN CADANGAN

Krisis kewangan pada tahun 1997 yang melanda negara-negara Asia terutamanya, menjadi satu pemangkin dalam melihat kedudukan nilai matawang yang sewenang-wenangnya boleh dipermainkan oleh pihak-pihak tertentu. Ini tidak terkecuali kedudukan Ringgit Malaysia. Punca utama ialah kegiatan spekulasi dan manipulasi matawang di pasaran antarabangsa. Langkah kerajaan mengikat ringgit dilihat satu langkah bijak dalam usaha menstabilkan nilai ringgit. Namun apa yang pasti kerugian tetap berlaku cuma tiada risiko akan kejatuhan yang lebih teruk.

Adalah sesuatu yang pelik sebenarnya sesebuah negara yang mempunyai hasil buminya yang banyak tetapi tetap mengalami masalah krisis ekonomi. Penguasaan negara-negara kuasa ekonomi dunia terhadap pasaran matawang antarabangsa mengakibatkan situasi ini berlaku. Kapitalisme yang menjadi tunjang amalan ekonomi dunia tidak mewujudkan sistem ekonomi yang adil. Sistem kewangan yang dibawanya memberi ruang yang besar kepada kegiatan spekulasi dan manipulasi. Secara tidak langsung dilihat bahawa sistem kewangan antarabangsa yang menggunakan wang fiat sebagai punca utama pelbagai kemelut ekonomi.

Sabda Rasulullah S.A.W yang menyatakan bahawa akan datang suatu hari nanti tidak ada sesuatu pun yang berguna untuk manusia kecuali satu dinar dan satu dirham. Ini memperlihatkan kepentingan dinar dan dirham dalam ekonomi umat manusia. Dinar dan dirham adalah jawapan kepada alternatif mewujudkan sistem ekonomi yang benar-benar adil.

Dinar emas dan dirham perak menepati ciri-ciri sebagai matawang yang hakiki seperti mana yang dijelaskan sebelum ini. Kestabilan nilainya memang terbukti. Sandaran kepada bahan yang dianggap berharga ini menjamin keutuhan matawang. Kegiatan spekulasi, manipulasi pasaran matawang tidak akan berlaku. Inilah matawang yang sebenarnya. Emas pernah menjadi sandaran matawang antarabangsa. Setiap matawang negara adalah menurut nilai emas pasaran semasa.

Rizab emas negara menentukan jumlah matawang bagi negara tersebut. Sistem ini dikenali sebagai standard piawai emas, namun sistem ini berakhir pada tahun 1914 dan digantikan dengan sistem Bretton Woods. Ianya juga dikenali sebagai sistem kadar tetap dimana Dolar Amerika diikat dengan emas pada US 35 bagi setiap auns emas. Di sinilah bermulanya era penukaran kadar matawang antarabangsa dengan perbandingan Dolar Amerika. Beberapa perkembangan berlaku semasa berlangsungnya sistem Bretton Woods seperti tertubuhnya IMF (*International Monetary Fund*), IBRD (*International Bank for Reconstruction and Development*) atau Bank Dunia. Namun sistem ini berakhir pada tahun 1971 apabila Presiden Nixon mengumumkan dasar ekonomi barunya yang memutuskan dolar dengan emas. Ini disebabkan pihak Amerika memerlukan kewangan yang besar bagi membiayai



peperangan. Maka berakhirlah era emas sebagai sandaran matawang dengan wujudnya sistem kadar terapung yang diamalkan sehingga hari ini.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, emas dan perak mempunyai nilai intrinsik. Ia menepati ciri-ciri wang yang sebenarnya. Penggunaannya sebagai matawang bukanlah sesuatu yang baru malahan telah digunakan berabad lamanya. Apa yang penting di sini, ianya adalah matawang yang mendapat pengiktirafan dalam Islam. Rasulullah S.A.W turut mengemukakan tentang kepentingan serta peranan yang di bawa oleh dinar emas dan dirham perak. Rasulullah s.a.w tidak pernah membantah penggunaannya atau memperkenalkan matawang lain. Ini merupakan taqirir dari Nabi Muhammad S.A.W sendiri bahawa apa yang digunakan itu adalah tidak menyalahi syarak. Khalifah-khalifah selepas Baginda Rasulullah S.A.W turut menggunakannya sebagai mata wang. Bentuk dan rupa mata wang pada zaman khalifah diubah dari masa ke semasa namun tidak pada bahan asasnya iaitu emas dan perak.

Wang fiat pada hari ini menjadi subjek utama spekulasi dan manipulasi matawang di pasaran antarabangsa. Wang sekarang hanya dalam bentuk indeks ekonomi yang boleh dipindahkan melalui sistem komputer, permainan spekulator boleh memberi kesan besar kepada angka atau wang eletronik ini. Sistem kewangan terapung ini menjadi punca krisis ekonomi. Kegiatan pasaran hadapan dilihat membuka ruang besar kepada spekulasi dan manipulasi. Ianya perlu dimansuhkan bagi menjamin kedaulatan matawang wang itu sendiri secara tidak langsung akan menjamin kestabilannya.

Adalah tidak keterlaluan jika Malaysia dianggap sebagai pelopor ke arah mengembalikan dinar emas dan dirham perak. Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohammad telah menyuarkan hasrat ini serta disokong pula dengan percetakan dinar emas oleh pihak Royal Mint Malaysia. Implementasinya telah dan terus diusahakan oleh pihak IGD Sdn. Bhd dengan mekanisme qirad. Perkembangan wakalah di seluruh negara menampakkan kejayaan usaha ini. Mekanisme-mekanisme lain perlu dibangunkan secara sistematik bagi memperluaskan lagi peredaran dinar emas dan dirham perak dalam masyarakat.

Usaha untuk meyakinkan tentang realiti perlaksanaannya di peringkat global bukan memerlukan usaha yang sedikit. Ini adalah satu cabaran dalam usaha perlaksanaannya. Pelbagai peringkat perlu didedahkan tentang perkara ini, bermula dari masyarakat dan peringkat nasional. Sokongan padu pihak pemerintah amat diperlukan. Ianya perlu diterapkan kepada negara Islam sendiri. Perlu dijelaskan bahawa kebergantungan kepada Dolar Amerika mengakibatkan krisis kewangan. Negara-negara Islam perlu meningkatkan perdagangan sesama dengan menggunakan dinar emas dan dirham perak. Melalui pertubuhan OIC ini, boleh direalisasikan dengan satu matawang antara negara-negara Islam.

Usaha-usaha ini tentu akan mendatangkan persepsi yang tidak yakin akan kemampuan dalam suasana masyarakat disogokkan dengan keyakinan terhadap kuasa matawang negara yang menguasai ekonomi dunia. Segala cabaran tidak menjadi halangan sekiranya keyakinan serta usaha yang kolektif dapat digerakkan dengan penglibatan semua pihak. Umat Islam merupakan penduduk teramai di dunia dan mempunyai kuasa beli yang tinggi. Perpaduan yang jitu serta usaha menyeluruh

menjadikan sesuatu yang mungkin sukar pada persepsi kasar dapat dijayakan. Kemudahan infrastruktur yang sedia ada memudahkan lagi usaha ini. Kajian terhadap perlaksanaannya sebelum ini yang menjadikan umat Islam mempunyai kekuatan daya ekonomi yang tinggi perlu dibuat. Dalam suasana dunia moden pada hari ini, penyesuaian perlu sama-sama dibincang dan direncanakan dalam usaha merealisasikannya.

#### 4.7 SARANAN

Matawang yang berasaskan dinar emas dan dirham perak adalah penyelesaian terbaik dan efisien terhadap kemelut ekonomi pada hari ini. Walaupun pelbagai alternatif lain diusahakan sebelum ini seperti mewujudkan sistem perbankan yang dikatakan bersifat Islamik dan tidak ada unsur riba tetapi tetap berlaku penguasaan matawang dengan permainan spekulasi dan sebagainya. Persoalan yang timbul bagaimana mungkin penghapusan riba secara total jika matawang yang digunakan itu antara sebab utama boleh berlaku riba dengan pelbagai helah, spekulasi dan manipulasi. Matawang yang sedia ada itu sendiri tidak boleh berperanan sebagai matawang yang sebenarnya atas faktor-faktor yang dijelaskan sebelum ini. Antara cadangan yang boleh diambil bagi membangunkan pelaksanaan dina remas dan dirham perak ialah:

#### **4.7.1 Membangunkan Mekanisme**

Usaha membangunkan perlaksanaannya memerlukan kepada mekanisme tertentu. Mekanisme-mekanisme ini perlulah difikirkan bersama terutamanya oleh para ahli-ahli ekonomi dan pihak pemerintah. Bagi mengadakan polisi yang sesuai serta pendekatan yang berkesan dalam merencanakan mekanisme tersebut juga memerlukan gabungan pelbagai pihak bagi mendapatkan idea serta pandangan. Ini tentu sekali memerlukan sokongan padu dari pihak pemerintah khususnya. Prasarana bagi setiap mekanisme yang dibuat perlulah diadakan secukupnya.

#### **4.7.2 Penyelarasan Matawang Negara-negara Islam**

Bagi mencapai perlaksanaannya di peringkat global, melalui OIC, Negara-negara Islam boleh mewujudkan satu mata wang yang sama seperti mana Kesatuan Eropah yang mewujudkan matawang Euro. Matawang ini adalah dinar emas dan dirham perak. Secara tidak langsung akan mewujudkan penyatuan yang kukuh dengan matawang yang sama. Penyatuan ekonomi akan berlaku dan tentu dapat mengelakkan dari dominasi dolar Amerika dalam perdagangan antara negaraIslam.

#### **4.7.3 Peningkatan Dagangan Antara Negara-negara Islam**

Perdagangan antara Negara-negara Islam perlulah ditingkatkan. Sistem kewangan yang berasaskan dinar emas dan dirham perak memerlukan Negara peserta mempunyai nilai timbal balik (*inter-trade*) yang aktif.

#### **4.7.4 Pengharaman Pasaran Hadapan**

Pengharaman pasaran hadapan mengelakkan matawang wang dimanipulasikan. Pasaran hadapan (*forward market*) mengakibatkan berlakunya riba dalam pertukaran matawang. Ia dilihat sebagai antara faktor utama berlakunya krisis matawang kerana situasinya yang memberi ruang besar kepada para spekulator memainkan peranannya.

#### **4.7.5 Penglibatan Menyeluruh Pakar Pelbagai Bidang, Pihak Kerajaan dan Swasta**

Usaha yang lebih agresif perlu diambil oleh para cendekiawan terutamanya mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang ekonomi dan kewangan. Usaha ini memerlukan sokongan kuat pihak pemerintah. Program pemahaman yang menyeluruh perlu dibuat dengan sistematik dan tersusun. Ini memerlukan gabungan tenaga banyak pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan, badan swasta dan kalangan professional pelbagai bidang.

#### **4.7.6 Penganjuran Seminar dan Usaha Pemahaman**

Seminar-seminar sebagai usaha pemahaman serta menemukan pelbagai idea bagi menjayakan perlaksanaanya mesti dibuat dari masa ke semasa. Ini amat penting untuk memantapkan polisi dan memastikan mekanisme yang dibuat dapat dibangunkan dengan jayanya. Institusi-institusi pengajian tinggi samada tempatan dan luar negara, kerajaan atau swasta boleh memainkan peranan menganjurkan seminar berkaitan.

#### 4.7.7 Penggunaan Teknologi Maklumat Secara Optimum

Perkembangan teknologi maklumat memungkinkan pelaksanaan yang ingin dibuat dapat dijayakan dengan lancar, mudah dan berkesan. Kemudahan rangkaian internet bagi transaksi dinar dapat dimanfaatkan. Antaranya e-dinar, e-gold, e-money, e-qirad dan sebagainya. Laman web ini perlu diperluaskan dan usaha mempromosikannya hendaklah ditingkatkan.

Cadangan-cadangan diatas tentu sekali dapat merealisasikan pelaksanaan dinar emas dan dirham perak sebagai mekanisme dalam system kewangan. Apa jua yang dimpikan tentu sekali ada cabaran-cabaran yang menanti, namun apa yang penting matlamat yang jelas serta usaha yang berterusan. Perlunya sokongan padu pelbagai pihak tidak dapat dinafikan.

Keyakinan yang teguh terhadap kekuatan dinar emas dan dirham perak sebagai matawang yang mampan mengelakkan dari pelbagai kemelut dalam system kewangan kini akan menguatkan lagi keazaman untuk melaksanakannya. Objektifnya bukan setakat mengembalikan apa yang dimplemenkan semasa zaman kegemilangan Islam malah lebih dari itu untuk mengembalikan matawang yang sebenarnya yang tidak dapat dimanipulasikan oleh mana-mana pihak walaupun mempunyai kekuatan ekonomi yang jitu. Riba yang selama ini membelenggu umat Islam yang dikaitkan dengan penggunaan wang kertas dapat dihapuskan. Sesungguhnya matawang yang sebenarnya ialah DINAR EMAS dan DIRHAM PERAK. Wallahualam.

## SUMBER RUJUKAN

### RUJUKAN BUKU

Abu Su'ud, Mahmoud (1994), Sistem Perekonomian Islam,(terj.) Ahmad Razaai b. Ayudin dan Abd. Latif b. Hamid, Kuala Lumpur: Penerbitan al-Ramadhan.

Ahamed Kameel Mydin Meera (2002), **The Islamic Gold Dinar**: Pelanduk Publications (M) Sdn.Bhd, Subang Jaya.

Ahamed Kameel Mydin Meera (2002), **The Theft of Nation: Returning to Gold**: Pelanduk Publications(M) Sdn. Bhd.

Al-Quran al-Karim

Buletin Dinar Emas Jilid 1, Bil. 1 Okt/Nov/Dis. 2004

Buletin Dinar Emas Jilid 1,Bil. 2 Jan/Feb/Mac 2005

**Kamus Dewan**. Edisi Ketiga (1984), Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Khera, Harcharan Singh (1981), **Prinsip-prinsip Ekonomi**, Edisi Kelapan, Petaling Jaya: Percetakan Solai Sdn. Bhd.

Mansor Jusoh (1990), **Ekonomi Antarabangsa**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Miller, Roger LeRoy, Pulsinelli,David D. (1993), **Modern Money and Banking**, c.3, New York:Mc Graw-Hill Book Company.

Nor Mohamed Yakcop (1996), **Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia**, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Orna-Ornstein, John (1997), **The Story of Money**, London: Trustees of The British Museum:British Museum Press.

Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1999), **al-Jami' li Ahkam al-Quran**, j.3, Beirut: Dar al-Fikr.

Rais Umar Ibrahim Vadillo (2002), **The Return of the Islamic Gold Dinar: Penerbitan Murabitun Nusantara**, Kuala Lumpur.

Rassyad Mahmud, Muhammad (1967), **al-Musykat al-Iqtisadiyyah Wa Hululuha Ilman Wa Amalan**, Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.

Ritter, Lawrence S, Silber, William (1991), **Principles of Money, Banking and Financial Markets**, c.7 America: Basic Books A Division of Harper Collins Publishers.

Said Ali Qahtani (2002), terj. **Riba: Kesan dan Mudarat Menurut Al-Quran dan al-Sunnah: Al-Hidayah Publishers**, Kuala Lumpur.

Syamri, Nazim Muhammad Nuri (1987), **al-Nuqud wa al-Masarif**, Beirut: Dar al-Kutub Li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

Zallum, Abd al-Qadim (1983), **al-Amwal Fi Dawlah al-Khilafah**, Beirut: Dar al-Ilm Li al-Malayin.

Zuhaimy Ismail (2003 ), **Kembalinya Dinar Emas dan Dirham Perak: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia**, Skudai, Johor.

Zuhayli, Wahbah , **al-Tafsir al-Wajiz Wa Mu'jam Ma'ani al-Quran al-Aziz**, c.2, Damsyik: Dar al-Fikr.

## **KERTAS KERJA**

Ahmed Kameel Mydin Meera dan Hasanuddeen Abdul Aziz (2002) **The Islamic Gold Dinar: Socio-economic Perspectives**. Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, International Islamic University Malaysia.

Jalalullail Othman (2002), **Application of the Existing Laws and Regulation in Malaysia Relating to the Proposed Usage and Implementation of the Dinar from a Private Sector Perspective**. Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, International Islamic University Malaysia.



Mahmood M. Sanusi (2002), **Gold Dinar, Paper Currency and Monetary Stability: An Islamic View**. Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, International Islamic University Malaysia.

Muhammad Anwar (2002) **Euro and Gold Dinar: A Comparative Study of Currency Unions**. Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, International Islamic University Malaysia.

Saiful Azhar Rosly (2002) **The Economic Thought of al-Maqrizi: The Role of the Dinar and Dirham as Money**. Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, International Islamic University Malaysia

Umar Azmon (2002), **“Penggunaan Matawang Dinar Dalam Era Globalisasi”** (Kertas Kerja seminar Dinar Peringkat Kebangsaan, “Dinar: Ke arah Pemantapan Ekonomi Ummah” Anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIM).

#### **LAMAN WEB**

E-Dinar Limited: <http://www.e-dinar.com>

E-Gold.com: <http://www.e-gold.com>

E-Money.com: <http://www.e-money.com>

E-Qirad.com: <http://www.e-qirad.com>

GoldMoney.com: <http://wwwGoldMoney.com>